

Tarikh Dibaca: 23 September 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MENITI RUMAHTANGGA BAHAGIA”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





"MENITI RUMAHTANGGA BAHAGIA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ
وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ^ج إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ
يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ^ق وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ An-Nur; 32



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang dikasihi oleh Allah dan seterusnya mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Khutbah jumaat pada kali ini bertajuk "**MENITI RUMAHTANGGA BAHAGIA**".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Kehidupan berumahtangga bukanlah semata-mata mencari keseronokan berpasangan, sebaliknya ia merupakan suatu amanah daripada Allah SWT yang seharusnya dipikul secara bersama oleh suami dan juga isteri.

Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 32 yang bermaksud;

"Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?"

Dalam memenuhi tuntutan dan amanah perkahwinan itu, tidak kurang pasangan suami isteri yang tewas di pertengahan jalan. Hal ini terbukti melalui kajian demi kajian yang menunjukkan berlakunya kes-kes perceraian hampir setiap hari terutamanya di kalangan pasangan-pasangan muslim. Di negeri Selangor sahaja, jumlah perceraian yang telah direkodkan sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak 6028 kes, tahun 2014 pula berjumlah 6912 kes, tahun 2015 berjumlah 7698 kes dengan peningkatan yang mendadak dengan kes harian berjumlah 21 kes.



Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Ibnu Umar RAhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

"Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah adalah perceraian."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

Sekalipun perceraian merupakan perkara yang dihalalkan, namun ia memberikan kesan kerosakan yang sangat besar, seperti putusya hubungan kekeluargaan, anak-anak akan hidup terbiar, membuka ruang perlakuan zina, keruntuhan moral, meningkatkan jumlah kemiskinan dan memburukkan imej umat Islam dan agamanya. Apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya perceraian ? Antaranya adalah :

Pertama: Tidak menghayati tujuan dan matlamat perkahwinan dalam Islam.

Islam mensyariatkan perkahwinan kerana mempunyai matlamat yang lebih besar daripada sekadar menunaikan tuntutan nafsu. Namun, bagi mereka yang tidak memahami tujuan sebenar perkahwinan akan mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan perselisihan dengan perceraian.

Kedua: gagal mengurus perbezaan pendapat dan fahaman antara suami dan isteri.

Antara alasan utama yang menyebabkan perceraian di kalangan suami isteri adalah kerana gagal mengurus perbezaan pendapat dan fahaman. Justeru, suami isteri hendaklah bijak menguruskan perbezaan pendapat dan fahaman bagi menuju kebahagiaan dan kesejahteraan rumahtangga. Kegagalan suami isteri memahami tugas dan tanggungjawab pasangan



masing-masing akan menyebabkan berlakunya perselisihan yang akhirnya akan membawa kepada perceraian.

Ketiga: Campur tangan orang lain dalam rumahtangga.

Tidak dinafikan juga, banyak kes perceraian berlaku adalah disebabkan suami ataupun isteri bermain kayu tiga atau skandal dengan orang lain. Kehadiran orang ketiga ini lazimnya menyebabkan berlaku porak peranda dalam kehidupan suami isteri, di mana sekiranya tidak diselesaikan dengan sebaiknya, maka ia juga akan mengakibatkan perceraian.

Selain daripada itu, tidak dinafikan terdapat pula di kalangan sesetengah ibubapa atau mentua yang terlalu mencampuri urusan kehidupan anak dan menantu, sehingga memburukkan lagi perselisihan antara mereka.

Keempat: Tiada kematangan dalam mendirikan rumahtangga.

Banyak berlaku perceraian dikalangan pasangan-pasangan muda yang mendirikan rumahtangga kerana tiada kematangan berfikir dalam mengurus rumahtangga lalu bertindak terburu-buru dengan menceraikan pasangan.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Allah SWT telah berfirman dalam surah Ar-Rum ayat 21;

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا
لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي
ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾



"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir".

Justeru umat Islam hendaklah menghayati hikmah disebalik perkahwinan dalam Islam dengan adanya ketenangan, kebahagiaan, kemesraan, pemeliharaan iman dan menjadikan perkahwinan itu sebagai suatu ibadah yang dituntut dalam Islam.

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

Sesungguhnya antara perkara yang penting juga untuk mengekalkan sesebuah perkahwinan adalah saling berusaha untuk memahami antara satu sama lain; memahami hati budi pasangan, memahami kelebihan dan kekurangan, bahkan juga memahami tugas dan kerjaya pasangan masing-masing. Apa yang paling penting bagi kita adalah sikap bertolak ansur antara satu sama lain dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab seharian. Dengan cara sebegini, kebahagiaan dan keharmonian dalam rumahtangga akan terus dapat dikekalkan, insyaAllah.

Rasulullah SAW sendiri sebagai qudwah hasanah bagi kita telah pun menunjukkan bagaimana caranya kita perlu bertolak ansur dalam kehidupan berumahtangga. Sekalipun baginda sibuk dengan tugas memimpin negara dan menyampaikan risalah Islam, namun baginda tetap mempunyai masa membantu kerja-kerja di rumah. Baginda memerah sendiri susu kambing,



baginda menjahit sendiri bajunya dan baginda melakukan kerja-kerja rumah tanpa meminta bantuan isteri-isterinya.

Saidatina Aisyah RAnha meriwayatkan bahawa beliau pernah ditanya oleh seorang lelaki yang bernama Aswad tentang apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika berada dalam rumahnya? Maka beliau menjawab yang bermaksud:

"Rasulullah SAW sentiasa membantu ahli keluarganya melakukan kerja-kerja rumah. Dan apabila sudah tiba masuk waktu solat, baginda keluar untuk menunaikan solat".

(Riwayat al-Bukhari).

Muslimin yang dikasihi sekalian,

Setiap pasangan suami isteri yang beriman sewajibnya memperbanyakkan amal ibadah dan mendekatkan diri serta sentiasa berdoa untuk mendapatkan kebahagiaan rumahtangga. Ini kerana setiap kebahagiaan itu datang daripada Allah SWT, maka sudah semestinya Allah juga yang berhak menarik balik kebahagiaan tersebut. Justeru, umat Islam amat dianjurkan supaya mengamalkan doa-doa yang ma'thur untuk menjamin kebahagiaan hidup berumahtangga di dunia dan juga di akhirat. Sepertimana doa yang dianjurkan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Furqan ayat 74;

... رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ

وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا



"...“Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa”.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Secara kesimpulannya, kebahagiaan di dalam sesebuah rumahtangga banyak bergantung kepada kesungguhan suami isteri dalam melaksanakan perkara-perkara berikut;

1. Umat Islam hendaklah memahami dan meyakini bahawa perkahwinan merupakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT yang juga merupakan salah satu daripada maqasid syariah.
2. Pasangan umat Islam hendaklah berusaha mencapai tujuan dan matlamat utama perkahwinan sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam.
3. Pasangan umat Islam hendaklah berusaha untuk saling faham memahami dan bertolak ansur terhadap pasangan masing-masing.
4. Pasangan umat Islam hendaklah sentiasa memanjatkan doa kepada Allah SWT agar rumahtangga yang sudah dibina berkekalan hingga ke akhir hayat.
5. Setiap pasangan muslim hendaklah berusaha melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab hidup berumahtangga dan memiliki sifat kesabaran yang tinggi.
6. Umat Islam hendaklah banyakkkan bersabar dalam menghadapi sebarang perselisihan yang timbul, dan hindarkanlah keluarga kita daripada bercerai berai, kerana sesungguhnya syaitan akan bergembira apabila melihat ramainya umat Islam yang bercerai berai.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا
اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ
رَقِيبًا

"Wahai sekalian manusia! bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu".

(an-Nisa'; 1).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ
سَلَاغُورَ، تَعَكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat khususnya wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
14.09.2016